



TARIKH: 3 OGOS 2023
NO RUJUKAN: PPNK/KEJ 01.23

Kepada sesiapa yang berkenaan,

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**JEMPUTAN KE KEJOHANAN MEMANAH KEBANGSAN BAWAH 12 DAN 15 TAHUN 2024
SIRI 2**

Dengan hormatnya saya ingin merujuk mengenai perkara di atas.

Sukacitanya dimaklumkan bahawa Persatuan Pemanah Negeri Kedah dengan kerjasama Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia akan menganjurkan kejohanan tersebut **pada 3 hingga 5 Oktober 2024 bertempat di SMK Seri Mahawangsa, Jitra, Kedah.**

Sehubungan itu, pihak kami ingin menjemput pemanah-pemanah dari pasukan pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan untuk mengambil bahagian dalam kejohanan ini. Maklumat lengkap berkaitan kejohanan tersebut adalah seperti yang dilampirkan.

Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

Yang Benar,

(DATO' HAJI ABDUL HAMID HAJI HASAN)
Presiden
Persatuan Pemanah Negeri Kedah





KEJOHANAN MEMANAH KEBANGSAAN
BAWAH 12 & 15 TAHUN 2024 SIRI 2
SMK Seri Mahawangsa, Jitra, Kedah
3 hingga 5 Oktober 2024



TARIKH-TARIKH PENTING

Tarikh mula pendaftaran MAREOS : 10 OGOS 2024
Tarikh akhir pendaftaran MAREOS : 20 SEPTEMBER 2024
Tarikh akhir bayaran : 3 OKTOBER 2024
Mesyuarat Pengurus Pasukan : 3 OKTOBER 2024
Tarikh kejohanan : 3 – 5 OKTOBER 2024

TENTATIF PROGRAM (TIDAK RASMI)

Tempat pertandingan : SMK Seri Mahawangsa
Jitra, Kedah Darul Aman.

03/10/2024 (KHAMIS)	1400 1500 1600	Latihan rasmi, Pengesahan Pendaftaran & Pembayaran Yuran Mesyuarat pengurus pasukan Pemeriksaan peralatan
04/10/2023 (JUMAAT)	0830 1430	Pusingan 50m x 2 bawah 15 tahun Pusingan 30m x 2 bawah 12 tahun
05/10/2023 (SABTU)	0830 1400	Pusingan 30m x 2 bawah 15 tahun Pusingan 20m x 2 bawah 12 tahun

PENDAFTARAN

Semua pendaftaran peserta (pengurus, jurulatih dan atlet) hendaklah didaftarkan melalui Malaysia Archery Results & Entry Online System (MAREOS). Tiada pendaftaran secara manual yang diterima.

Ahli gabungan perlu daftar masuk di MAREOS melalui <https://mareos.masarchery.org/> dengan menggunakan alamat email dan kata laluan yang telah ditetapkan oleh NAAM. Selepas daftar masuk, pilih kejohanan yang ingin didaftarkan.

Hubungi pihak NAAM (events@masarchery.org) jika ada sebarang pertanyaan ataupun memerlukan bantuan mengenai MAREOS. Untuk pertanyaan selain daripada MAREOS sila hubungi pihak penganjur.

KATEGORI

Kategori bagi kejohanan ini adalah seperti berikut:

1. Recurve lelaki bawah 15 tahun (umur dari 13 hingga 15 tahun) RU15M
2. Recurve wanita bawah 15 tahun (umur dari 13 hingga 15 tahun) RU15W
3. Recurve lelaki bawah 12 tahun (umur dari 10 hingga 12 tahun) RU12B
4. Recurve wanita bawah 12 tahun (umur dari 10 hingga 12 tahun) RU12G



KEJOHANAN MEMANAH KEBANGSAAN
BAWAH 12 & 15 TAHUN 2024 SIRI 2
SMK Seri Mahawangsa, Jitra, Kedah
3 hingga 5 Oktober 2024



PENYERTAAN

Penyertaan bagi kejohanan ini adalah terhad. Setiap pasukan boleh menghantar 32 orang atlet (8 RM15, 8 RW15, 8 RB12, 8 RG12). Setiap peserta haruslah didaftarkan atas nama pasukan negeri masing-masing. Selain daripada pasukan negeri, ATM, PDRM dan MASUM, pasukan projek khas NAAM/ MSNM sahaja akan dibenarkan masuk (jika ada).

Jumlah penyertaan adalah seperti di bawah:

BIL	NEGERI	RM15	RW15	RB12	RG12	JUMLAH	PEGAWAI	JUMLAH
1	Perlis	8	8	8	8	32	10	42
2	Kedah	8	8	8	8	32	10	42
3	Pulau Pinang	8	8	8	8	32	10	42
4	Perak	8	8	8	8	32	10	42
5	Selangor	8	8	8	8	32	10	42
6	Negeri Sembilan	8	8	8	8	32	10	42
7	Melaka	8	8	8	8	32	10	42
8	Johor	8	8	8	8	32	10	42
9	Pahang	8	8	8	8	32	10	42
10	Terengganu	8	8	8	8	32	10	42
11	Kelantan	8	8	8	8	32	10	42
12	Sabah	8	8	8	8	32	10	42
13	Sarawak	8	8	8	8	32	10	42
14	Wilayah Persekutuan	8	8	8	8	32	10	42
15	WP Putrajaya	8	8	8	8	32	10	42
16	WP Labuan	8	8	8	8	32	10	42
17	ATM	8	8	8	8	32	10	42
18	PDRM	8	8	8	8	32	10	42
19	MASUM	8	8	8	8	32	10	42
JUMLAH		152	152	152	152	608	190	798

Pendaftaran lewat (selepas Tarikh tutup) atau pertukaran (selepas tarikh tutup) akan didenda mengikut kadar yang telah ditetapkan dan penganjur mempunyai hak untuk tidak menerima.



KEJOHANAN MEMANAH KEBANGSAAN
BAWAH 12 & 15 TAHUN 2024 SIRI 2
SMK Seri Mahawangsa, Jitra, Kedah
3 hingga 5 Oktober 2024



PERATURAN

Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang World Archery dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.

Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka undang-undang World Archery yang terkini akan dipatuhi.

Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:

Sebarang kejadian akan diputus berasaskan kepada Peraturan Pertandingan Memanah Kebangsaan Bawah 12 dan 15 Tahun.

Sebarang perselisihan teknikal akan diputus berasaskan kepada Undang-undang World Archery dan Pertandingan Memanah Kebangsaan Bawah 12 dan 15 Tahun.

Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankausa Teknikal dan Pertandingan Kejohanan adalah muktamad.

Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja).

Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu ditolak atau didapati tidak wajar.

Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengurus Pertandingan dalam masa 15 minit selepas keputusan diumumkan.

Jarak yang akan dipertandingan adalah:

Bawah 15 tahun	:	Pusingan 1440 rounds (50m x 2 + 30m x 2)
Bawah 12 tahun	:	Pusingan 1440 rounds (30m x 2 + 20m x 2)

Target Face yang akan diguna pakai bagi semua jarak adalah 80cm 6 rings (5 – X).

YURAN

Yuran penyertaan adalah seperti berikut

Pemanah	:	RM100.00/orang
Pegawai (Pengurus/ Jurulatih)	:	RM50.00/orang

Kadar denda/ penalti pendaftaran lewat/ pertukaran adalah sebanyak RM50.00/orang.



KEJOHANAN MEMANAH KEBANGSAAN
BAWAH 12 & 15 TAHUN 2024 SIRI 2
SMK Seri Mahawangsa, Jitra, Kedah
3 hingga 5 Oktober 2024



HADIAH

Pingat akan disediakan seperti berikut:

BIL	ACARA	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1	Keseluruhan Recurve Lelaki Bawah 15 tahun	1	1	1	3
2	Keseluruhan Recurve Wanita Bawah 15 tahun	1	1	1	3
3	Keseluruhan Recurve Lelaki Bawah 12 tahun	1	1	1	3
4	Keseluruhan Recurve Wanita Bawah 12 tahun	1	1	1	3
5	Keseluruhan Berpasukan Recurve Lelaki Bawah 15 tahun	1(4)	1(4)	1(4)	3(12)
6	Keseluruhan Berpasukan Recurve Wanita Bawah 15 tahun	1(4)	1(4)	1(4)	3(12)
7	Keseluruhan Berpasukan Recurve Lelaki Bawah 12 tahun	1(4)	1(4)	1(4)	3(12)
8	Keseluruhan Berpasukan Recurve Wanita Bawah 12 tahun	1(4)	1(4)	1(4)	3(12)
JUMLAH		8(20)	8(20)	8(20)	24(60)

GANTI RUGI

Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia dan Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung termasuklah perjalanan dari rumah/ tempat pertandingan/ rumah.



Masarchery TV



masarchery176



National Archery Association of Malaysia



www.masarchery.org